

BERITA HARI INI

AKHBAR

: Berita Harian

TARIKH : 31 Disember 2019

MUKA SURAT

: 14

HARI : Selasa

RUANGAN

: Nasional

TAJUK

: PKB Berkempen Yakinkan Penduduk



Khalid menyerahkan dokumen kepada mangsa kebakaran di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Zulfadhlil Zulkifli/BH)

Isu pembangunan Kampung Baru

PKB berkempen yakinkan penduduk

Kuala Lumpur: Kempen secara kumpulan kecil sedang dilakukan oleh Pembangunan Kampung Bharu (PKB) bagi meyakinkan penduduk kawasan itu berhubung usaha kerajaan untuk membangunkan Kampung Baru.

Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abdul Samad, berkata usaha itu akan dijalankan sehingga Jun tahun depan untuk memperjelaskan keadaan kerana terdapat banyak kekeliruan berpunca daripada media sosial.

"Masalah kita adalah media sosial ini yang 'tembak' ikut suka. Pelbagai tuduhan sekali gus membuatkan orang ramai keliru. Kononnya kita (kerajaan) nak halau Melayu, jadi mereka perlu mempertahankan tanah itu sedangkan kedudukan Melayu di kawasan itu tidak akan

terjejas. Apabila kawasan itu dibangunkan la akan dijual kepada Melayu juga kerana syarat tanah itu tetapi orang tidak faham.

"Jadi itu yang kita akan bincang bersama mereka yang belum menyerah borang iaitu dalam 60 peratus. Saya tidak kisah jika yang tolak atas alasan tersendiri, tetapi bukan sebab dipengaruhi fahaman yang salah," katanya ketika ditemui media selepas bellau menyerahkan sumbangan kepada mangsa kebakaran, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan dan Ahli Parlimen Batu, P Prabakaran.

Sementara itu, sebanyak 15 keluarga mangsa kebakaran yang berlaku di Kampung Kovil Hilir ditempatkan sementara di Pusat Pemindahan, Dewan Ko-

muniti Sentul Perdana sejak 20 Disember lalu.

Khalid berkata, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) memberi sumbangan kepada mangsa kebakaran dengan menawarkan penempatan selama enam bulan di Perumahan Awam (PA) atau Projek Perumahan Rakyat (PPR) di bawah seliaan Dewan Bandaraya Ku-

la Lumpur (DBKL) untuk membantu mangsa memulakan kehidupan baru.

"Sebanyak tiga belas keluarga layak untuk ditawarkan penempatan di PA atau PPR dan menerima surat tawaran hari ini (semalam).

"Selain itu, Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) turut memberi sumbangan dalam bentuk wang tunai sebanyak RM500 bagi mangsa yang berkeluarga, manskala RM300 untuk mangsa bujang. Bantuan persekolahan juga turut diberikan berbentuk baucar bernilai RM120.

"Malah KWP dengan kerjasama Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) pada pagi ini (semalam) juga membuka kaunter untuk membantu mangsa mendapatkan kad pengenalan baharu," katanya.

Saya tidak kisah jika yang tolak atas alasan tersendiri, tetapi bukan sebab dipengaruhi fahaman yang salah.

**Khalid Abdul Samad,
Menteri Wilayah Persekutuan**